



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 12 Mac 2020

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 9 TAHUN 2020**

**KADAR CARUMAN MINIMUM BERKANUN PEKERJA KEPADA TUJUH (7) PERATUS  
MULAI UPAH/GAJI APRIL 2020**

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memaklumkan bahawa kadar berkanun untuk caruman syer pekerja akan dikurangkan dari sebelas (11) peratus kepada tujuh (7) peratus berkuatkuasa upah/gaji April 2020 sehingga Disember 2020. Pengurangan kadar ini adalah berikutan pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan bertujuan untuk mengurangkan kesan kegawatan ekonomi. Kadar caruman berkanun baharu ini akan melibatkan anggota yang berumur 59 tahun ke bawah sahaja.

2. Walaubagaimanapun, pekerja boleh memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada kadar sebelas (11) peratus dengan melengkapkan Notis Pilihan Mencarum Melebihi Kadar Berkanun KWSP 17A (Khas) seperti di lampiran. Notis yang telah lengkap di isi perlu dikembalikan semula ke Unit Pembangunan Sumber Manusia selewatnya pada 24 Mac 2020.

3. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, pegawai dan pengkhidmat LGM boleh merujuk laman web KWSP di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my), talian telefon Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di 03-89226000 atau mengunjungi mana-mana cawangan KWSP yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k. YH. Dato' Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Ketua Unit Kewangan dan Akaun

**(A) MAKLUMAT MAJIKAN**

Nombor Majikan

Nama Majikan

**(B) MAKLUMAT AHLI / PEKERJA**

Bagi Ahli / Pekerja yang berumur tidak melebihi 60 tahun :

Saya / Kami dengan ini membuat **PILIHAN** untuk mencarum sebanyak 4% melebihi kadar berkanun (7%) bagi syer pekerja yang keseluruhannya berjumlah 11%.

Pilihan ini adalah berkuatkuasa mulai upah bulan berikut selepas notis ini diterima oleh KWSP sehingga upah bagi bulan Disember 2020 tertakluk kepada Perintah Jadual Ketiga yang akan diwartakan.

BIL	NO. AHLI	NO. PENGENALAN DIRI	NAMA AHLI (seperti dalam Dokumen Pengenalan Diri)	Tandatangan Ahli
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				

**(C) PENGESAHAN MAKLUMAN MAJIKAN**

Kami dengan ini mengesahkan dan mengambil maklum bahawa pekerja di atas telah memilih untuk mencarum kepada KWSP melebihi kadar berkanun seperti yang dinyatakan dalam notis ini.

Tandatangan Majikan/  
Wakil majikan \_\_\_\_\_  
 Nama \_\_\_\_\_  
 No. Pengenalan Diri \_\_\_\_\_  
 Jawatan \_\_\_\_\_  
 E-mel \_\_\_\_\_  
 No. Telefon / Bimbit \_\_\_\_\_  
 Tarikh \_\_\_\_\_

**SILA PASTIKAN :**

- Pengesahan Makluman Majikan diisi dengan lengkap.
- Notis ini dihantar kepada mana-mana Pejabat KWSP yang berdekatan.

**CAP RASMI MAJIKAN**

**UNTUK KEGUNAAN KWSP SAHAJA**

Tarikh Terima (dd/mm/yy)

No. Anggota

Cawangan

**CAP TARIKH TERIMA**